

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan rancangan pembinaan sebuah jambatan menghubungkan Pulau Teluk Renjuna yang menjadi keperluan kepada penduduk setempat untuk menyeberang ke tanah besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian mengambil maklum akan keperluan pembinaan jambatan bagi menghubungkan kawasan pulau di Teluk Renjuna ke Bandar Tumpat.

Sehubungan itu, pihak Kementerian bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan telah mengadakan satu lawatan teknikal ke kawasan Teluk Renjuna pada 6 Oktober 2021 bagi menentukan skop dan anggaran kos pembinaan jambatan berkenaan.

Seterusnya, pihak JKR Daerah dan Negeri akan menyediakan Brif Projek yang mengandungi cadangan skop dan anggaran kos projek sebelum ianya dapat diangkat untuk dimasukkan di dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri bagi permohonan projek baharu melalui Kementerian ini di bawah Rolling Plan Ke-3, Rancangan Malaysia ke-12.

Sekian, terima kasih.